



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JFW 364 – Analisis Penyata Kewangan**

Masa: 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

**SOALAN 1 [20 markah]**

Diberi maklumat kewangan Syarikat Tunas Utama seperti berikut.

Ukuran	Tahun 1	Tahun 2
Nisbah semasa	1.19	1.28
Nisbah ujian asid	0.56	0.75
Pusing ganti akaun belum terima	10.77	10.20
Pusing ganti inventori	5.20	5.00

Untuk setiap ukuran nisbah yang diberi, bincangkan perkara yang mungkin telah dilakukan oleh Syarikat Tunas Utama yang menyebabkan perbezaan nilai dalam Tahun 2 dan Tahun 1.

**SOALAN 2 [40 markah]**

- (a) Bincangkan implikasi hipotesis pasaran efisien (EMH) ke atas analisis penyata kewangan. (10 markah)
- (b) Bincangkan limitasi maklumat Penyata Kewangan untuk kegunaan analisis. (10 markah)
- (c) Diberi maklumat kewangan berikut untuk firma A dan firma B.

	Firma A	Firma B
Jualan	RM1 juta	RM20 juta
Pendapatan	RM100,000	RM100,000
Aset	RM10 juta	RM10 juta
Margin NOPAT	10%	0.5%
Pusingan NOA	0.1	2.0
Pulangan atas aset operasi bersih	1%	1%

Berdasarkan maklumat di atas, usulkan strategi untuk firma A dan firma B meningkatkan pulangan atas aset operasi bersih.

(20 markah)

**SOALAN 3 [40 markah]**

Anda merupakan seorang konsultan kepada sebuah pasukan analisis penyata kewangan. Anda dikehendaki menjelaskan hal-hal berikut untuk membantu pasukan analisis menguasai kemahiran melakukan analisis prospektif.

- (a) Apakah kegunaan analisis prospektif? (5 markah)
- (b) Apakah proses-proses utama dalam analisis prospektif? (5 markah)
- (c) Selain maklumat *trend*, apakah maklumat persekitaran luaran yang diperlukan untuk menyediakan Penyata Pendapatan Ramalan? (15 markah)
- (d) Apakah kepentingan membuat ramalan jualan? (15 markah)